

12 JAN 1997

Panel-IT

DR MAHATHIR AKAN JUMPA KETUA SYARIKAT IT MENGENAI MSC

Oleh: Salmy Hashim

LOS ANGELES, 12 Jan (Bernama) -- Tuah sememangnya di pihak Malaysia. Apakan tidak apabila 29 presiden, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat gergasi bersetuju berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masa depan teknologi maklumat (IT) Malaysia.

Dikatakan adalah lebih mudah mengumpul para pemimpin negara pada sebuah persidangan atau pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi untuk memujuk ketua syarikat gergasi duduk bersama dan berbincang mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) selama enam jam tanpa henti sesuatu yang jarang berlaku.

Dr Mahathir, yang akan tiba di sini bersama-sama sekumpulan besar ahli perniagaan Malaysia, akan mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP) di Stanford University, Palo Alto Khamis ini.

Senarai 29 anggota IAP itu, pilihan khas Perdana Menteri, sangat mengagumkan. Antaranya Bill Gates, pengasas dan CEO syarikat Microsoft, yang "sangat berminat" dan "komited" untuk menganggotai panel itu.

Gates bagaimanapun tidak dapat menghadiri mesyuarat pertama nanti tetapi dijadualkan akan bertemu dengan Perdana Menteri pada hari Rabu dan bercadang untuk hadir pada mesyuarat-mesyuarat panel itu seterusnya yang akan diadakan sepanjang tahun ini.

Keyakinan dan minat yang ditunjukkan oleh Gates terhadap wawasan Dr Mahathir nampaknya berjaya menarik CEO syarikat-syarikat lain untuk menyertai panel itu.

Usaha keras Dr Mahathir untuk "memasarkan" projek MSC di peringkat antarabangsa juga harus dipuji. Beliau menyampaikan wawasannya di dalam bahasa yang mudah dan senang difahami.

Selain Dr Mahathir sebagai pengerusi, antara tokoh lain ialah James Barksdale dari syarikat Netscape, Larry Ellison (Oracle), Louis Gerstner (IBM), Fred Gluck (Bechtel), Nobuyuki Idei (Sony), Bon Moo Koo (LG Group), Noboru Miyawaki (NTT), Eckhard Pfeiffer (Compaq), Lewis Platt (Hewlett Packard), Gary Tooker (Motorola) dan Stan Shih (Acer).

Mesyuarat pada Khamis ini dijangka berlangsung secara intensif. Dr Mahathir akan membuka mesyuarat itu dengan ucapan bertajuk "Membina MSC Ke Arah Wawasan 2020."

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah akan menyusul dengan satu tayangan video mengenai MDC dan ucapan berjudul "Membangunkan MSC sebagai sebuah Utopia Multimedia."

Antara isu yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu ialah cetak rompak perisian yang membawa kerugian berjuta-juta ringgit kepada syarikat-syarikat IT.

Naib presiden Hal Ehwil Antarabangsa Microsoft, Orlando Ayala berkata pada satu temubual baru-baru ini, bahawa undang-undang anti cetak rompak perlu disusuli dengan penguatkuasaan yang tegas supaya ia lebih berkesan.

Mesyuarat itu juga dijangka akan membincangkan cadangan Undang-undang Siber Malaysia, yang akan merangkumi Jenayah Komputer, Tandatangan Digital, Hak Cipta Intelektual Multimedia dan Akta Pembangunan Teleperubatan.

Fokus terhadap teknologi maklumat oleh kerajaan dan pihak swasta memang sudah dijangka. Menurut majalah "PC Week", Asia Tenggara dengan penduduk seramai 414 juta dan pertumbuhan ekonomi tahunan lapan peratus setahun, ialah pasaran paling berpotensi bagi peralatan dan perisian komputer.

Kira-kira 1.3 juta komputer peribadi (PC) dianggarkan dijual di rantau itu pada tahun 1996, menurut majalah itu. Jualan dijangka meningkat secara purata 25 peratus setahun sehingga penghujung dekad ini, menurut syarikat International Data Corp (IDC). "Ia adalah kadar yang sangat tinggi," kata Dennis Philbin, Pengarah Asia Pasifik IDC kepada majalah PC Week.

Sementara itu, Perdana Menteri, yang akan ditemani isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mempunyai jadual yang ketat sepanjang tempoh lawatannya selama seminggu ke Los Angeles dan Lembah Silikon.

Di Los Angeles, beliau dijadualkan melawat studio filem Todd-AO, menyaksikan teknologi multimedia oleh EDS untuk kegunaan "kerajaan elektronik", menyampaikan ucapan kepada masyarakat Hollywood dan menghadiri majlis pertemuan dan berbuka puasa dengan rakyat Malaysia di California di Masjid Al-Khatib.

Dr Mahathir juga bercadang untuk menemui masyarakat perniagaan tempatan dan mengadakan dialog dengan penuntut Malaysia di University of California (UCLA) di sini.

Pada hari rabu, rombongan Malaysia itu akan melawat Stanford University di mana perdana menteri akan mengadakan pertemuan dengan para pelabur berpotensi dan mengadakan sesi dialog dengan para penuntut Malaysia. Pada hari Khamis, beliau akan mempengerusikan mesyuarat IAP dan melancarkan "Kerajaan Elektronik."

-- BERNAMA
SAL MZ AHH